

# UMNO: PM tersilap bawa masuk anasir revolusioner — Zam

UM 26 AUG 2001

Oleh ZULKIFLE JALIL

MELAKA 25 Ogos — Kesilapan terbesar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah membawa masuk anasir-anasir revolusioner ke dalam UMNO yang tidak menjiwai dan menghayati semangat jati diri parti itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin (Zam) berkata, oleh sebab itu Perdana Menteri terpaksa membayar kesilapan politik ini dengan harga yang paling mahal.

Zainuddin yang pada awalnya tidak merujuk secara langsung “anasir revolusioner” berkenaan, bagaimanapun mengakui antaranya ialah daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

“Apa yang gagal dilakukan oleh komunis telah berjaya dilakukan oleh anasir ini menerusi penerangan yang berasaskan perjuangan Islam yang fundamentalis, ekstremis dan ideologikal.

“Golongan itu bukan sahaja berjaya mengeliru dan mengaburkan dunia terhadap Dr. Mahathir yang sebenar tetapi juga terhadap institusi tradisi yang telah dibangunkan oleh UMNO sejak 40 tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja menyentuh Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO pada Seminar Kebangsaan Pejuang-Pejuang Kemerdekaan di sini, hari ini.

Dr. Mahathir adalah antara 40 tokoh pejuang kemerdekaan

yang diperbincangkan pada seminar empat hari itu.

Menurut Zainuddin, perkembangan terakhir di negara ini menampakkan keyakinan dan keupayaan kerajaan meredah gelombang ekonomi. Bagaimanapun, kegawatan politik terus memberikan cabaran yang menggugat kepimpinan Mahathir.

“Dr. Mahathir telah berjaya dikelirukan oleh anasir-anasir ini sebagai antiglobalisasi, kapitalisme, anti-Islam dan tidak berperikemanusiaan.

“Tetapi sebenarnya Dr. Mahathir tidak berganjak daripada dasar-dasar yang diasaskan oleh (Perdana Menteri pertama) Almarhum Tunku Abdul Rahman iaitu berasaskan pasaran bebas, liberal demokrasi dan konsep hidup bersama antara kaum,” katanya.

Katanya, berbeza dengan tiga Perdana Menteri dahulu dari segi pendekatan dan gaya, Dr. Mahathir terlihat berkongsi nilai Asia dengan bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dalam penerapan demokrasi negara masing-masing.

Dalam pada itu, Timbalan Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Mohd. Jamil Mukmin membentangkan kertas kerja menyentuh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, idealisme politik Timbalan Perdana Menteri itu ialah adunan kesetiaan pada parti, kesabaran dan keikhlasan dalam perjuangan, imej diri dan moral baik yang telah dapat dikekalkan.

Justeru, Abdullah boleh dikatakan sebagai pemimpin dua zaman yang sukar dicari ganti.